

# Ugutan Gerakan nak keluar Barisan tak benar — PM



UM 6 JUN 1986

KUALA LUMPUR 5 Jun — Pengerusi Barisan Nasional, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini berkata, segala gembur-gembur tentang Parti Gerakan mengugut hendak keluar dari Barisan Nasional adalah tidak benar dan berpunca dari salah faham.

Perdana Menteri menegaskan: "Ugutan Parti Gerakan hendak keluar dari Barisan Nasional sebenarnya adalah salah faham, begitu juga dengan kenyataan saya berhubung dengan perkara itu yang sebenarnya cuma jawapan kepada seorang ahli UMNO. Saya jawab secara berseloroh, tidak serius."

Pihak akhbar minggu lalu melaporkan bahawa Perdana Menteri berkata kalau Parti Gerakan hendak keluar dari Barisan Nasional, mereka boleh keluar. Kenyataan itu dibuat sebagai jawapan kepada pertanyaan pemberita selepas satu majlis berbuka puasa di Siputih, Jitra, Kedah.

Bercakap dalam sidang akhbar selepas mesyuarat Dewan Tertinggi Barisan Nasional hari ini, Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, gambaran seolah-olah Barisan Nasional sudah retak adalah tidak benar dan merupakan salah faham.

Katanya, Presiden Parti Gerakan, Datuk Dr. Lim Keng Yaik telah memberi beberapa pendapat yang dilaporkan sebagai suatu ugutan tetapi parti itu sebenarnya tidak berniat untuk keluar Barisan Nasional.

## Penjelasan

Menurut Datuk Sri Dr. Mahathir, pagi tadi, Datuk Dr. Lim telah berbincang dengan beliau dan memberi penjelasan tentang kenyataan-kenyataannya. Perdana Menteri berpuas hati dengan penjelasan itu dan percaya Parti Gerakan tidak ingin keluar dari Barisan Nasional.

Mesyuarat Dewan Tertinggi Barisan Nasional yang berlangsung di Menara Datuk Onn itu adalah juga mesyuarat agung Ba-

risan Nasional.

Datuk Sri Dr. Mahathir menjelaskan, sebarang masalah yang timbul antara parti komponen Barisan Nasional atau dengan Barisan Nasional sendiri diselesaikan melalui rundingan dengan beliau sebagai Pengerusi Barisan Nasional dan jika perlu melalui mesyuarat Dewan Tertinggi.

Menjawab soalan pemberita, Perdana Menteri memberitahu, mesyuarat itu tidak membincangkan tentang permintaan Parti Gerakan untuk menggunakan lambang sendiri dalam pilihanraya akan datang kerana perkara itu adalah suatu kejadian salah faham.

Katanya, Parti Gerakan sendiri tidak mengemukakan permintaan seumpama itu.